

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab FELDA membeli 37% syarikat *Eagle High Plantations* dengan premium setinggi 173% berbanding dengan harga pasaran semasa bulan November 2016. Apakah pinjaman yang diperlukan oleh FELDA untuk menanggung pembelian tersebut dan apakah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembelian 37% saham syarikat PT Eagle High Plantation Tbk (EHP) oleh FELDA melalui salah sebuah syarikat subsidiari iaitu FIC Properties Sdn Bhd (FICP), harga saham bukanlah kaedah penilaian yang diterima apabila membabitkan syarikat perladangan. Harga saham itu mungkin tidak mencerminkan nilai sebenar EHP atas beberapa faktor seperti iklim kewangan, sentimen pasaran dan jumlah dagangan. Khusus untuk perladangan Minyak Sawit Mentah (MSM), memandangkan modal perniagaan yang tinggi bagi beberapa tahun pertama kitaran penanaman, metrik penilaian yang relevan yang diterima di peringkat global adalah nilai perusahaan per ditanam (*Enterprise Value* – EV per hektar) daripada harga saham.

Rasional pembelian juga adalah melibatkan pertimbangan aspek saiz tanah di mana ia menawarkan akses kepada tanah perladangan yang luas iaitu lebih daripada 320,000 hektar (kira-kira 4.4 kali saiz Singapura). Pihak FELDA juga berpeluang untuk menikmati pertumbuhan kepada pelaburan lebih awal kerana kira-kira 125,000 hektar dari tanah tersebut telah ditanam dan kini mencapai kitaran paling produktif. Oleh sebab itu bolehlah dianggap bahawa perjanjian ini sebagai pembelian potensi pertumbuhan (*growth buy*) yang bakal memberi faedah jangka masa panjang kepada FELDA.

Selain itu, adalah mustahil bagi FELDA dapat mengumpul saham EHP ini jika dibeli daripada pasaran terbuka. Ia merupakan pegangan saham tunggal terbesar dalam EHP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembelian 37% pegangan saham dengan *Put Option* daripada EHP ini dilaksanakan oleh FICP, iaitu sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA. Oleh itu, ianya tidak menggunakan sumber kewangan FELDA dan tidak akan mempengaruhi komitmen sedia ada serta tidak menjejaskan program FELDA di dalam meningkatkan kesejahteraan peneroka.

Sekian, terima kasih.